

## **Rejimen Sempadan rampas 65 ekor tenggiling**

**Utusan Malaysia**

**27 Februari 2012**

PADANG BESAR 26 Feb. - Anggota tentera Rejimen Sempadan merampas 65 ekor tenggiling bernilai RM58,500 yang dipercayai cuba diseludup ke negara ini dari Thailand kira-kira 1 kilometer dari pos kawalan rejimen berkenaan di sempadan Malaysia-Thailand di Bukit Kuanchuk dekat sini semalam.

Penolong Pegawai Memerintah Batalion 3 Rejimen Sempadan, Mejar S. Kuberakusalan berkata, hasil maklumat awam, empat anggota tentera diketuai Koperal M. Nathan yang mengesan percubaan menyeludup tenggiling itu melancarkan operasi di kawasan berkenaan kira-kira pukul 6 pagi.

"Anggota-anggota tersebut kemudian merampas haiwan tersebut yang harga pasarannya kini boleh mencecah dari RM300 hingga RM350 sekilogram," kata beliau di sini.

Kuberakusalan berkata, suspek yang dipercayai dua hingga tiga orang bagaimanapun dapat melarikan diri.

Menurut beliau, suspek juga telah menggunting pagar di sempadan dalam percubaan menyeludup haiwan berkenaan.